

LOKALISASI UNIT ZAKAT INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEBAGAI MODEL ONE STOP CENTER AGIHAN ZAKAT PENDIDIKAN

LOCALIZATION OF HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS ZAKAT UNIT AS
MODEL 'ONE STOP CENTER' FOR ZAKAT DISTRIBUTION EDUCATION

Muhammad Rizal Bin Jalilⁱ Hairunnizam Wahidⁱⁱ & Sanep Ahmadⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pelajar sarjana ekonomi Islam di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM
izal79@e-zakat.com.my

ⁱⁱ Pensyarah kanan di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM
hairun@ukm.edu.my

ⁱⁱⁱ Profesor Madya di Pusat Pengajian Ekonomi, FEP, UKM
nep@ukm.edu.my

Abstrak	Abstract
<p>Isu desentralisasi kuasa serta lokalisasi pentadbiran zakat adalah penting dalam meningkatkan keefisienan pengagihan zakat di Malaysia. Kajian ini didorong oleh satu hipotesis dimana perlaksanaan lokalisasi pentadbiran agihan zakat dijangkakan mampu memberikan impak yang signifikan dan positif sebagai 'One Stop Center' kepada pelajar asnaf fakir miskin. Kajian ini berupaya menyelesaikan masalah serta mengenal pasti keperluan pelajar selari dengan prinsip agihan zakat yang telah digariskan iaitu isti'ab, ikhtisas, hak, muraqabah, al-kifayah dan fauran. Persoalannya adakah konsep ini diterima dengan baik oleh penerima perkhidmatan zakat iaitu para pelajar yang digolongkan sebagai asnaf terutamanya dalam aspek pendidikan dan pembangunan modal insan yang merupakan elemen penting dalam kategori asnaf fisabilillah. Justeru kajian ini bertujuan mencadangkan satu model pentadbiran pengagihan zakat di institusi pengajian tinggi (IPT) yang berasaskan konsep lokalisasi serta konsep disentralisasi kuasa</p>	<p>The issue of decentralization and localization of zakat administration is essential in improving the efficiency of the distribution of zakat in Malaysia. This study was motivated by the hypothesis that the implementation of the localization of zakat administration is expected to provide a significant and positive impact as a 'One Stop Center' to asnaf students poor (fakir) and needy (miskin). This study attempts to solve the problem and identify the needs of students in line with the principles outlined zakat distribution of isti'ab, ikhtisas, hak, muraqabah, al-kifayah and fauran. The question is whether this concept is well received by the recipient charity services which are the students who are classified as recipients, especially in terms of education and development of human capital is an important element in the category of asnaf fisabilillah. Hence this study aims to propose a model of the distribution of zakat administration in institutions of higher learning (IPT) which is based on the localization concept and the concept of decentralization of power in terms</p>

<p><i>dalam aspek kutipan dan agihan zakat. Kajian ini menggunakan teknik persampelan rawak berstrata melibatkan responden para pelajar yang menerima bantuan pendidikan di bawah kategori asnaf fakir dan miskin zakat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. Hasil kajian mendapati majoriti responden bersetuju dan menerima konsep ini dilaksanakan di institusi pendidikan. Beberapa implikasi dasar serta cadangan turut dibincangkan dalam kajian ini.</i></p> <p>Kata kunci : Lokalisasi Zakat, Agihan Pendidikan, Pelajar Miskin</p>	<p><i>of collection and distribution of zakat. This study used a stratified random sampling technique involves students who receive educational assistance under the category of poor (fakir) and needy (miskin) recipients of zakat in Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam. The study found that the majority of respondents agree and accept this concept implemented in educational institutions. Some policy implications and recommendations are discussed in this study.</i></p> <p>Keywords : Zakat Localization, Zakat Distribution for Education, Poor and Needy Students</p>
---	---

PENDAHULUAN

Ketika prestasi kutipan mencatat peningkatan saban tahun hingga mencecah RM 1.6 billion setahun, timbul perbagai persoalan mengenai prestasi agihan, kecekapan dan keberkesanan proses agihan zakat. Isu-isu keberkesanan agihan zakat telah mendapat perhatian pengkaji melalui pelbagai disiplin ilmu seperti pengajian Islam, ekonomi, kewangan mahupun sosiologi. Nor Aini (2006) dalam kajian beliau menyatakan bahawa zakat berperanan menjaga kebajikan sosial dan jika diuruskan secara berkesan dapat memberikan lebih manfaat kepada golongan miskin. Dalam perspektif Islam, agihan kearah peningkatan aspek kerohanian atau jiwa seseorang dilihat dapat memberi impak yang lebih berkesan dalam usaha membasmi kemiskinan (Muhammad Syukri, 2000).

Aspek urus tadbir zakat yang tidak cekap dan komprehensif dikaitkan dengan punca kadar kemiskinan dalam negara. Misalnya, Paimuzi (1996) kajiannya mendapati wujudnya masalah agihan zakat antara asnaf yang tidak seimbang dan hanya sekadar mencukupi sahaja. Perungkaian terhadap permasalahan tersebut, pihaknya telah mencadangkan tumpuan agihan kepada asnaf fakir dan miskin dengan mempelbagaikan bentuk produk agihan. Malah kajian Dzaiuddin (2003) mendapati jumlah kutipan zakat pada tahun 2000 hingga 2002 telah meningkat pada setiap tahun namun masih tidak berjaya mengeluarkan asnaf daripada belenggu kemiskinan. Institusi zakat dikatakan masih lagi tercari-cari jawapan mengenai kaedah yang komprehensif bagi program agihan dan pembangunan asnaf agar ia terlepas dari belenggu kemiskinan. Realitinya, institusi zakat pada masa kini telah diurus tadbir secara pemusatan (*centralization*) di peringkat negeri dan memberi beberapa implikasi negatif dalam aspek pentadbiran zakat seperti wujudnya jurang perhubungan antara institusi zakat dengan para mustahik itu sendiri (Muhammad Syukri, 2002). Jurang perhubungan ini memberikan implikasi ke atas keberkesanan program agihan zakat. Menurut beliau, jurang perhubungan mengakibatkan limitasi kepada

penyaluran agihan zakat akibat pihak amil tidak mengenali asnaf atau para mustahik dalam kawasannya. Jurang perhubungan wujud atas faktor geografi terutamanya bagi negeri yang mempunyai kawasan pentadbiran yang luas. Pemusatan agihan zakat juga telah mengakibatkan bantuan kepada mustahik itu lambat diterima dan tidak efektif. Seseorang mustahik itu terpaksa bergerak ke bandar-bandar besar yang mempunyai kaunter untuk membuat permohonan dan hadir kembali pada tarikh tertentu untuk mengambil bantuan zakat. Kaedah ini jelas mewujudkan satu tekanan kepada pihak mustahik untuk mendapatkan haknya.

Bagi mengatasi permasalahan tersebut, (Muhammad Syukri, 2002) telah mengemukakan cadangan konsep lokalisasi zakat dengan mengecilkan keluasan kawasan dan pemusatannya. Lokalisasi zakat merupakan satu konsep melokalisasikan kutipan dan agihan zakat di kawasan itu sendiri. Kaedah ini melibatkan disentralisasi kuasa kutipan dan agihan kepada pihak yang bertanggungjawab di peringkat tempatan. Keadaan ini disokong oleh hadis Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas ra ketika Nabi saw mengirim Muadz ke negeri Yaman yang bermaksud:

"Ajaklah, mereka supaya mengakui bahawa tidak ada Tuhan selain Allah, dan sesungguhnya aku. Pesuruh Allah. Jika mereka telah mematuhi yang demikian, terangkanlah kepada mereka bahawa Allah swt. mewajibkan kepada mereka solat lima kali sehari semalam. Kalau mereka telah mentaatinya, ajarkanlah bahawa Allah swt. memerintahkan kepada mereka supaya membayar zakat harta mereka, diambil dari orang yang kaya di antara mereka dan diberikan kepada orang - orang yang miskin. Jika itu telah dipatuhi mereka, jagalah supaya kamu jangan mengambil harta mereka yang paling berharga. Takutilah doa orang yang teraniaya, kerana sesungguhnya antara dia dengan Allah tidak ada dinding."

Berdasarkan kepada hadis tersebut, Yusuf al-Qardawi (1996) telah berhujah bahawa Rasulullah saw telah melantik dan menugaskan para amil zakat untuk pergi ke pelbagai negara dan daerah bagi mengutip dan mengagihkan zakat. Rasulullah saw juga telah memerintahkan para amil agar mengambil sebahagian harta dari orang kaya untuk diberikan kepada mereka yang fakir dan miskin atau memerlukan dalam negara tersebut. Kaedah pengurusan zakat ini menggunakan kaedah lokalisasi dimana amil kariah tertentu akan mengutip zakat dalam kariah tersebut dan mengagihkan zakat tersebut kepada asnaf dalam kariah tersebut. Sekiranya berlaku lebihan dana zakat maka dana tersebut akan dipindahkan kepada asnaf di kariah yang berjiran dengan kariah tersebut (Khaf, 1999; Muhammad Syukri, 2002; & Hairunnizam et. al, 2012). Dalam konteks hadis tersebut, Muadz telah melaksanakan wasiat Rasullullah saw sepanjang ia bertugas di Yaman dengan membahagikan zakat penduduk Yaman pada mustahiknya daripada kalangan mereka.

Di Malaysia, konsep lokalisasi telah dipraktiskan sejak era pasca kemerdekaan lagi. Pada masa tersebut perlaksanaan dan pengurusan zakat adalah dijalankan secara tradisi kampung. Masyarakat akan membayar zakat kepada guru-guru agama atau imam setempat yang bertindak sebagai amil dan mengagihkannya kepada mereka yang memerlukanya dalam kampung tersebut. Konsep pengurusan lokalisasi zakat berkenaan dimana pembayaran dan pengagihan zakat sampai secara langsung kepada asnaf **di dalam kawasan** berkenaan sahaja (Hairunnizam et al, 2012). Namun begitu, era selepas kemerdekaan, pengurusan zakat telah dipusatkan di bawah kuasa Majlis Agama Islam Negeri. Pemusatan pengurusan zakat ini berjaya memberi impak positif ke atas kutipan zakat dengan pola peningkatan sebanyak 18.4 peratus setiap tahun (Adibah, 2014). Walau bagaimanapun di sebalik peningkatan dalam jumlah kutipan zakat telah memberikan satu impak yang sebaliknya iaitu tahap kepercayaan dan keyakinan masyarakat yang agak rendah terutamanya dalam aspek pengagihan zakat (Sanep et. al, 2006). Walaupun terdapat kajian yang menunjukkan tahap kecekapan agihan zakat adalah tinggi dan memberangsangkan terutama bagi institusi zakat yang telah dikorporatkan operasinya (Sanep et. al, 2006 dan Adibah, 2014) namun isu pengagihan zakat masih terus dipersoalkan. Ini jelas menunjukkan masyarakat sebenarnya cakna dengan pengurusan agihan zakat, bukan sekadar mempersoalkan jumlah kutipan yang berjaya diagihkan. Kajian ini mendapati masyarakat pada masa kini lebih cenderong menilai tahap keberkesanan serta kualiti output daripada program agihan zakat oleh institusi zakat meliputi pelbagai aspek termasuklah kejayaan asnaf, program jangka panjang dan kecekapan atau ketepatan agihan itu sendiri dan sebagainya.

Kajian ini mendapati pihak institusi zakat telah memberi respon yang positif terhadap konsep lokalisasi pentadbiran zakat. Contohnya pada tahun 1998, pihak Lembaga Zakat Selangor (LZS) telah mengorak langkah melaksanakan konsep lokalisasi pengurusan zakat bersama pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) dimana LZS telah menurunkan sebahagian kuasa pengurusan zakat (kutipan dan agihan) kepada UiTM. Melalui proses desentralisasi ini pihak UiTM akan bertindak sebagai amil bagi menguruskan aspek kutipan dan agihan zakat di kalangan kakitangannya serta pelajarnya (Baharuddin Sayin, 2014). Sehingga 2014, pihak LZS telah menjalankan kerjasama dengan semua Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di lembah klang serta beberapa Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) seperti Kolej Antarabangsa Universiti Islam Selangor (KUIS), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Multi-Media (MMU), Universiti Tun Abdul Razak (Unitar) dan Universiti Selangor (Unisel). Melalui konsep lokalisasi ini, pihak Institut Pengajian Tinggi (IPT) tersebut telah diberikan kuasa pengurusan agihan zakat kepada beberapa asnaf termasuklah asnaf fakir, miskin, muallaf, *fisabilillah* dan amil. Namun begitu kajian ini mendapati kaedah lokalisasi zakat yang berlaku di IPT adalah lebih kepada aspek pentadbiran sahaja dimana di setiap IPT diwujudkan satu pejabat pengurusan zakat yang menerima dan

menguruskan agihan zakat dan ini hanya dapat menyelesaikan masalah birokrasi pengurusan zakat dan tidak dapat menyerlahkan kesan output (*maqasid pengagihan zakat*) dan kualiti program pengagihan zakat terutamanya dalam memantau dan membangunkan potensi modal insan serta aspek kejiwaan asnaf pelajar dibawah kategori fakir dan miskin. Ini adalah kerana aspek ini masih tertakluk dibawah pengurusan zakat di peringkat negeri.

Justeru kajian ini mencadangkan satu model lokalisasi pengurusan agihan yang baru yang merangkumi aspek pentadbiran dan pengurusan zakat agar ia selari dengan *maqasid* prinsip agihan zakat iaitu *isti'ab* (menyeluruh), *ikhtisas* (ketetapan), hak, *muraqabah* (pengawasan), *al-kifayah* (mencukupi) dan *fauran* (segera). Dalam memastikan impak positif, pengurusan agihan zakat harus memenuhi 6 prinsip agihan yang ditentukan. (Sanep, 2009).

KAJIAN LEPAS

Lokalisasi pengurusan zakat selama ini hanya melibatkan urusan kutipan zakat melalui kaedah perlantikan amil zakat fitrah. Amil zakat fitrah diberikan kuasa untuk menjalankan kerja-kerja kutipan zakat fitrah sahaja (tidak termasuk zakat harta) dan hanya bertugas disepanjang bulan ramadhan. Hasil kutipan zakat fitrah akan diserahkan kepada Majlis Agama Islam Negeri atau Institusi Zakat Negeri. Sedikit perbezaan amalan di negeri Johor, amil zakat fitrah turut diberikan kuasa untuk mengemukakan cadangan penerima zakat diperingkat mukimnya. Pihak Majlis Agama Islam Johor akan menyediakan cek bantuan zakat dan diserahkan kepada amil fitrah untuk diagihkan kepada asnaf atau para mustahik tempatan. Kajian oleh Hairunnizam, et al, (2012) telah mengupas kaedah lokalisasi dan disentralisasi dari kerangka Ilmu Islam dan Ilmu Ekonomi. Beliau berpendapat bahawa terdapatnya kepentingan dalam menyempurnakan keperluan penduduk di lokaliti terlebih dahulu sebelum menyalurkannya kepada kawasan tetangga lain yang berdekatan. Dari teori ekonomi ia merupakan satu konsep pengucupan kuasa pusat kepada pemerkasaan kuasa tempatan dalam sesuatu urus tadbir. Konsep lokalisasi merupakan satu pemangkin kepada praktis tadbir urus yang baik (good governance). Menurut beliau lagi, amil tempatan lebih mengenali keperluan asnaf di kawasannya dan membolehkan amil melakukan pemantauan ke atas asnaf. Ia bagi memastikan bentuk agihan zakat yang disalurkan bertepatan dengan kehendak dan mencukupi keperluan asnaf setempat. Misalnya keperluan dan kadar kecukupan bagi keluarga di bandar dan diluar bandar adalah berbeza sama sekali. Daripada sudut mikronya keperluan pelajar dalam sesebuah institusi pendidikan tinggi adalah berbeza antara institusi pengajian awam dan swasta. Kajian oleh Muhamad Rahimi (2014) pula melihat inisiatif penubuhan wakil zakat di insititusi pengajian tinggi berperanan secara komprehensif bagi mengembalikan martabat ummah dalam kecemerlangan ilmu. Sebagaimana kajian (Muhammad Shukri, 2014), pengurus zakat di IPT mesti bertindak seumpama gerakan Islam dengan membina rasa kekeluargaan dalam kalangan pelajar yang dibiayai tersebut secara langsung atau tidak langsung

dengan kasih sayang, pemahamanan, pemikiran dan tidak yang selaras. Ia kearah melahirkan masyarakat yang seimbang antara perkembangan rohani dan jasmani terutamanya dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan berjiwa Islam.

Aspek pendidikan adalah penting untuk memperkembangkan potensi pelajar hingga peringkat tinggi dan optimum bagi menadikan mereka rakyat yang berguna kepada masyarakat dan negara (Roslan, 2001). Menurut Muhammad Shukri (2014) pula, pendidikan merupakan alat penting dalam usaha untuk memobilisasikan masyarakat. Pendidikan mentranformasikan taraf sosial dan ekonomi dari keadaan yang sukar kepada keadaan yang lebih senang. Pendidikan telah dibuktikan sebagai satu pendekatan efektif untuk membantera kemiskinan kerana ia membolehkan seseorang meningkatkan taraf sosio-ekonomi serta taraf hidup mereka (Gibbiseon & Murthy, 2003). Justeru kajian ini mendapati aspek agihan zakat pendidikan yang diberikan merupakan satu mekanisme tujuan yang penting ke arah meningkatkan kecemerlangan mental, fizikal dan spiritual para pelajar terutamanya pelajar yang dikategorikan sebagai asnaf fakir dan miskin. Ini selari dengan kajian Hairunnizam et al, (2004) yang mendapati aspek pendidikan amat signifikan mempengaruhi kualiti hidup asnaf fakir dan miskin terutamanya dalam memecahkan putaran ganas kemiskinan yang wujud dalam sesebuah keturunan. Sanep (2009) dalam kajiannya juga setuju bahawa matlamat agihan zakat pada jangka masa pendek ialah memenuhi hajat keperluan asnaf dan pada jangka masa panjang mengeluarkan asnaf daripada penerima kepada pembayar zakat. Usaha untuk memberikan pancing ini haruslah difokuskan kepada generasi kedua asnaf fakir miskin dalam memastikan mereka tidak mewarisi legasi kemiskinan tersebut. Paling tidak generasi kedua ini mampu berdikari menongkah arus kehidupan yang mendatang tanpa mengharapkan bantuan daripada pelbagai pihak.

Institusi kewangan Islam seperti institusi zakat dan institusi perbankan sememangnya mempunyai tanggungjawab sosial untuk membantu golongan miskin terutama sekali dalam usaha membasi kemiskinan (Sanep, 2009). Pendidikan bukan sahaja mewujudkan peluang ekonomi kepada pelajar asnaf fakir miskin, tetapi dapat merapatkan jurang ekonomi keluarga antara miskin dan kaya. Kemiskinan dan pendidikan berkolasari secara positif untuk meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat global. Senario di Malaysia, keupayaan seseorang untuk mencapai tahap pendidikan tinggi menjadi jaminan untuk akses kepada bidang kerjaya yang lebih baik, pendapatan yang lebih lumayan, serta kedudukan sosial yang lebih tinggi. Ini adalah kerana kebiasaan orang miskin selalu menghadapi kesukaran untuk mencapai tahap akademik tinggi dan orang yang kurang berpendidikan sukar untuk melepaskan diri daripada belenggu kemiskinan (Wong, Yan & Nga, 2011). Terdapat kajian lepas yang membuktikan bahawa orang miskin biasanya tidak mampu melanjutkan pengajian diperingkat tinggi akibat kos pelajaran dan sara diri di kampus yang semakin meningkat. Ini


dikuatkan lagi dengan pendapat (Ishak, 2000) pendidikan tinggi berkait langsung dan signifikan dengan tahap pertumbuhan sesebuah ekonomi negara.

Justeru, peruntukan kewangan yang disediakan untuk asnaf fakir dan miskin perlu menekankan dan mengutamakan aspek jumlah bantuan yang berpadanan dan mengikut kesesuaian kos pendidikan para penerima asnaf untuk membolehkan meraka mengharungi dunia pendidikan dengan sempurna (Muhamad Rahimi, 2014). Ia merupakan kaedah perancangan jangka masa panjang terpenting untuk menangani isu kemiskinan dalam kalangan ummah. Muhammad Shukri (2014) dalam kajiannya juga sependapat bahawa pihak LZS perlu memberi bantuan pendidikan mengikut asnaf-asnaf di antaranya asnaf miskin diberi bantuan yuran sekolah/menengah, bantuan keperluan pendidikan dan biasiswa pelajaran.

PENGURUSAN ZAKAT DI IPT

LZS melalui program pembangunan pendidikan untuk generasi kedua asnaf fakir miskin bermula daripada peringkat awal pendidikan kanak-kanak, rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi. Program ini mencakupi kelompok pelajar cemerlang dan kelompok pelajar kurang cemerlang dalam akademik. Mengikut statistik data pendidikan LZS tahun 2014 mencatatkan peningkatan bilangan pelajar (rendah dan menengah) secara puratanya sebanyak 30% setahun. Bilangan pelajar (rendah dan menengah) bagi tahun 2015 ialah seramai 44,842 berbanding tahun sebelumnya seramai 38,000. Bilangan pelajar tajaan LZS di IPT Tempatan meliputi IPTA/IPTS dan ILKA/ILKS untuk sesi kemasukan 2013/2014 adalah seramai 1400 orang pelajar. Peningkatan ini adalah selari dengan catatan peningkatan bilangan asnaf fakir miskin setiap tahun iaitu sekitar 15 peratus.

Rajah 1 : Operasi Bantuan Pendidikan di LZS



Sektor Pendidikan dan Sektor Pembangunan Institusi Asnaf (SPIPA) LZS, telah menyediakan pelbagai bentuk program agihan pendidikan. Peranan utama dimainkan oleh Sektor Pendidikan dalam merangka bentuk bantuan am pendidikan (*fisabilillah*) dan bantuan khusus kepada asnaf fakir dan miskin. Berdasarkan Garis Panduan Syarat Kelayakan Agihan Zakat Fisabilillah versi 2.0, Bantuan am dirangka untuk membantu meringankan bebanan ibu bapa/ penjaga/ pelajar untuk membiayai keperluan pengajian/ persekolahan umat Islam di negeri Selangor. Ia melibatkan antaranya Bantuan Umum Pelajaran, Dermasiswa Huffaz Quran, Dermasiswa Pelajar Luar Negara dan Elaun Isbat Hafaz Al Quran. Manakala tumpuan bantuan khusus pendidikan pula diberikan kepada pembangunan pendidikan anak asnaf fakir dan miskin. Bantuan tersebut meliputi Bantuan Yuran Persekolahan, Bantuan Keperluan Pendidikan Sekolah (pakaian seragam dan alatulis), Dermasiswa Pendidikan IPT, Wang Saku, Bantuan Pengangkutan, Bantuan Komputer Riba, Bantuan Buku Rujukan, Bantuan Asrama/Penginapan, Dermasiswa Kecil LZS dan lain-lain lagi. Pihak Sektor Pendidikan bertindak menyedia dan menyelia keseluruhan data pelajar asnaf fakir miskin, kerangka bantuan pendidikan semasa dan pemantauan pelajar asnaf fakir dan miskin. Sektor Pembangunan Institusi Asnaf. Sektor ini berperanan untuk mengembangkan lagi agenda pembangunan pendidikan melalui program latihan (akademik dan syaksiah), kaunseling dan penempatan (Baitul Hasanah). Secara mudahnya diterangkan melalui Rajah 1.

Bantuan Pendidikan IPT LZS: Kajian ini mendapati dua jenis bantuan yang diberikan kepada pelajar asnaf fakir dan miskin yang berjaya melanjutkan pengajian ke IPT seperti berikut:

Jadual 1: Jenis bantuan pendidikan di LZS mengikut GPSKAZ

Bil	Jenis Bantuan	Perincian	Skop Bantuan
1	Bantuan Keperluan Pendidikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT)	Membantu membiayai bayaran pendahuluan, persediaan pendaftaran dan peralatan serta keperluan pendidikan anak-anak asnaf fakir/miskin di IPT tempatan dan luar negara.	a. Wang persediaan b. Pembelian buku rujukan c. Sewaan penginapan pelajar termasuk deposit d. Komputer Riba e. Keperluan peralatan belajar yang diwajibkan oleh IPT f. Kos pengangkutan (Luar semenanjung Malaysia)

2	Bantuan Dermasiswa Pelajaran	Membantu pembayaran yuran pengajian asnaf fakir/miskin dan tanggungan untuk melanjutkan pelajaran sepenuh masa di IPT dalam/luar negara	Peringkat pengajian Matrikulasi / Asasi, Pra-Diploma, Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.
3	Bantuan Kewangan Bulanan Pelajar (Wang Saku)	Membantu pembiayaan perbelanjaan sara hidup bulanan (wang saku) asnaf Fakir/Miskin dan tanggungan di IPT dalam dan luar negara	Peringkat pengajian Matrikulasi / Asasi, Pra-Diploma, Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.

Sumber : Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat Negeri Selangor Versi 2.0, LZS (MAIS)

Merujuk kepada Jadual 1, Bantuan Keperluan Pendidikan IPT memberi fokus kepada bantuan terperinci keperluan pembelajaran pelajar berbeza dengan dermasiswa yang secara khusus kepada pembayaran yuran pengajian. Kedua-dua bentuk bantuan pendidikan ini dilihat mencakupi aspek keperluan pelajar asnaf dalam proses pengajian mereka. Menurut Kamus Online Dewan Bahasa dan Pustaka, dermasiswa merupakan satu bentuk pemberian dan/atau bantuan kewangan bagi melanjutkan pelajaran kepada penuntut-penuntut universiti yang tidak mampu. Dermasiswa biasanya diuruskan oleh sesbuah organisasi secara sukarela dan diberikan kepada pelajar mengikut tingkat kewangan keluarga dan kecemerlangan pendidikan yang dicapai. Kesinambungan pemberian bantuan-bantuan pendidikan ini secara langsung memberikan jaminan sosial kepada pelajar dan keluarga. Pelajar asnaf yang telah diluluskan bantuan pendidikan di awal pengajian akan diteruskan tajaan pembiayaan pendidikan sehingga tamat pengajian dari peruntukan asnaf Fakir/Miskin walaupun sekiranya ibu bapa mereka telah terkeluar dari asnaf dalam tempoh pengajian tersebut.

Kajian ini melihat terdapat perbezaan falsafah dan praktikal dermasiswa di bawah LZS dengan biasiswa pemberian kerajaan yang hanya memberikan bantuan kewangan kepada pelajar atau mahasiswa yang mencapai tahap kecemerlangan dalam pendidikan. Ketua Sektor Pendidikan LZS, Puan Siti Norkhayati Rabbani menyatakan dalam sesi temu bual bersama beliau

“...sebelum ni, bantuan dermasiswa pendidikan LZS dilihat sebagai satu bantuan one-off. Student terpaksa mohon untuk setiap semester. Kami merasakan perkara merumitkan pelajar. Tiap sem kena mohon.” (R1, 35)


Setelah anjakan modenisasi agihan zakat pendidikan bermula tahun 2012, senario yang dinyatakan oleh Puan Siti Norkhayati telah berjaya diselaraskan perlaksanaan dan status pemberian dermasiswa atas kerjasama yang dirintis dengan IPT awam di bawah Kementerian Pengajian Tinggi ketika itu. Namun, seiring dengan peningkatan taburan bilangan pelajar asnaf ke IPT tahun 2015 iaitu seramai 4500 orang proses pemberian bantuan pendidikan IPT dilihat perlu distrukturkan semula di antara pihak LZS dan IPT yang terlibat.

Unit Zakat IPT (Penolong Amil Zakat IPT-LZS): Unit Zakat IPT (Penolong Amil Zakat IPT-LZS) telah bermula pada tahun 1998 bertitik tolak dari pembentangan kertas kerja KONSEP Q5S oleh pihak Program Zakat UiTM yang memberi penekanan kepada penghayatan instrumen zakat dalam pentadbiran UiTM. Hasil kebenaran dan kelulusan bersyarat yang diwartakan oleh pihak Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) itu mengangkat UiTM sebagai IPT awam pertama yang menjadi perintis perlantikan Penolong Amil IPT-LZS. Usaha ini membolehkan pihak UiTM melaksanakan kutipan dan agihan zakat dalam kalangan warganya yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sehingga kini, pihak LZS telah melantik 9 IPT sebagai Penolong Amil IPT-LZS antaranya Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Multimedia (MMU), Universiti Tun Razak (UniTAR), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Universiti Selangor (Unisel).

Senario Pengagihan Unit Zakat IPT: Sejajar dengan misi Hala Tuju Unit Zakat IPT (Penolong Amil Zakat IPT-LZS) iaitu memberi perkhidmatan kepada warga universiti dengan penuh integriti dan profesionalisme dalam urusan kutipan dan agihan zakat, realiti pengagihan sebenar perlu dilihat dan diperhalusi. Mensasarkan Penolong Amil IPT-LZS sebagai sampel kajian ini, didapati pihak Penolong Amil UiTM tetap terikat dengan prosedur MAIS dalam membuat pengagihan tersebut. MoU zakat antara UiTM dan LZS (Mais), menuntut agar agihan zakat di UiTM hendaklah berpandukan kepada Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat Negeri Selangor (1999) yang disediakan oleh Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak (Fatwa) (1999) Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), Baharuddin Sayin (2014). Menurut Baharuddin (2014) lagi garis panduan ini telah diubah suai untuk kegunaan UiTM (2000) dan sentiasa dikemaskini mengikut kehendak semasa bertepatan dengan dasar LZS. Skop agihan dana zakat UiTM adalah terhad yang meliputi asnaf fakir, miskin, muallaf, fisabilillah, dan amil yang melibatkan kakitangan UiTM sahaja. Menurut Ketua Sektor Kutipan Zakat Agensi, Encik Rohaizam Bin Abdullah menyatakan dalam sesi temubual bersama beliau:

“...sebelum ni, agihan zakat oleh pihak IPT hanya melibatkan asnaf fakir, miskin, muallaf, fisabilillah, amil dan tambahan ibnu sabil. Pelajar daripada keluarga asnaf fakir dan miskin selangor akan dibiayai sepenuhnya menggunakan dana Fakir dan Miskin terus dari Lzs sendiri...” (R2, 19)

Rajah 2 : Rajah pelaksanaan agihan zakat Unit Zakat IPT Masa kini



Setelah melihat dari sisi yang berbeza dari kajian-kajian lepas, kronologi dan modus operandi yang sedia terlaksana dilihat dari aspek penerima agihan. Pelajar asnaf fakir dan miskin Selangor didapati menerima bantuan terus daripada Lzs tanpa melibatkan Penolong Amil UiTM. Keadaan ini menampakkan kelompongan dari aspek penyelarasaran urusan Penolong Amil UiTM. Kajian ini mendapati sebab utama perkara ini berlaku adalah kerana pihak UiTM tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk tujuan agihan tersebut. Hasil dapatan kajian ini boleh disimpul dalam bentuk pemetaan sebagaimana Rajah 2

Bertitik tolak dari kedudukan pelajar asnaf fakir dan miskin tersebut, kajian ini memfokuskan pengurusan agihan zakat melalui Penolong Amil UiTM. Mengikut statistik terkini Sektor Pendidikan Lzs (2014), daripada seramai 7167 orang pelajar asnaf fakir dan miskin yang mendapat bantuan dermasiswa pendidikan IPT seluruh Malaysia, seramai 1489 (21%) adalah mereka yang menuntut di UiTM. Manakala 234 orang daripada UiTM Kampus Shah Alam. Objektif kewujudan perlantikan Penolong Amil UiTM untuk memperkasa potensi agihan agar mampu menangani keperluan semasa asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dari Selangor memantulkan refleksi berbeza dengan ketidakselarasan pengurusan agihan zakat terhadap golongan terlibat. Menurut Ketua Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM , Encik Faisol menyatakan dalam sesi temubual bersama beliau:

“...semua permohonan yang melalui kami (penolong zakat UiTM) perlu melalui proses temuduga, sekiranya mendapati pelajar telah mendapat bantuan terus daripada pihak LZS, maka mereka tidak layak untuk memohon...” (R3, 15)

Rentetan daripada temubual tersebut dapat dilihat bahawa permasalahan adalah dipihak pelajar fakir dan miskin itu sendiri yang perlu melalui proses dan prosedur yang berbeza dari pelajar yang lain. Sedangkan perkara ini boleh ditambahbaik dengan kewujudan Penolong Amil UiTM sebagai “one stop center” bagi penyelarasan semua peranan dan skop tugas Penolong Amil tanpa sebarang batasan untuk semua peringkat asnaf.

METODOLOGI KAJIAN

Populasi sasaran kajian adalah pelajar asnaf fakir miskin yang menerima dermasiswa dari LZS di UiTM Shah Alam. Sampel selaku responden kajian adalah merupakan keseluruhan pelajar asnaf fakir miskin UiTM Shah Alam seramai 234 orang. Kajian ini menggunakan persampelan rawak berstruktur dimana responden adalah terdiri daripada pelajar asnaf fakir miskin UiTM yang menerima bantuan zakat pendidikan. Responden juga telah dipilih sebagai sampel kajian yang mewakili hampir 30 peratus daripada keseluruhan pelajar asnaf fakir miskin tajaan LZS di IPT. Ini mendasari kaedah persampelan rawak berkelompok adalah sesbuah kumpulan dipilih secara rawak dan bukannya individu serta setiap individu dalam kumpulan terpilih dijadikan sampel (Noraini Idris, 2013). Kajian ini mendapati hanya 80 responden yang mewakili 38 peratus daripada 234 responden mengembalikan dan memberikan respon sewajarnya terhadap borang soal selidik. Setelah semua jawapan soal selidik dikumpul dan direkodkan, penyelidik membuat rumusan untuk satu kesimpulan.

Spesifikasi Model dan Kaedah Analisis Data. Kajian ini akan kesemua soalan yang dikemukakan berkaitan aspek demografi responden serta penerimaan konsep lokalisasi pentadbiran dan pengurusan zakat menggunakan kaedah diskriptif dan ujian perbandingan min serta peratus penerimaan responden terhadap sesuatu item soalan. Kajian ini juga akan membuat ujian statistik t untuk membandingkan nilai min persepsi pengurusan zakat di IPT semasa dengan cadangan melaksanakan lokalisasi pengurusan zakat di IPT.

HASIL KAJIAN

Responden paling ramai terdiri daripada keluarga Miskin iaitu (62.5%) berbanding mereka daripada keluarga Fakir (37.5%). Lembaga Zakat Selangor (LZS) mendefinisikan asnaf fakir ialah individu muslim yang tidak mempunyai pekerjaan atau mendapat sumber pendapatan tidak mencapai 50 peratus daripada had kifayah (keperluan) harian individu tersebut dan keperluan tanggungannya. Manakala bagi kategori miskin ialah individu muslim yang mempunyai pekerjaan atau mendapat sumber pendapatan yang hanya memenuhi separuh daripada hak

kifayah (keperluan) harian individu tersebut dan keperluan tanggungannya (Fatwa Agihan Zakat Selangor,2013).

Majoriti daripada responden sekarang sedang melanjutkan pengajian diperingkat Ijazah Sarjana Muda (91%). Ini mungkin atas faktor kebanyakkan kursus pengajian yang ditawarkan di UiTM Shah Alam adalah peringkat Ijazah Sarjana Muda berbanding dengan cawangannya diluar Shah Alam. Seramai 55 orang atau (62%) responden terdiri daripada mereka yang menuntut di tahun 1 dan 2 pengajian.

Jadual 2: Demografi Pelajar Dermasiswa IPT di UiTM Shah Alam

Item	Kekerapan	Peratusan
Jantina Pelajar		
Lelaki	31	35.0
Perempuan	57	65.0
Kategori Asnaf		
Fakir	33	37.5
Miskin	55	62.5
Peringkat Pengajian		
Diploma	8	9.0
Ijazah Sarjana Muda	80	91.0
Tempoh Menerima Dermasiswa Pendidikan IPT		
1 Tahun dan bawah	27	30.0
2 Tahun	28	32.0
3 Tahun	13	15.0
4 Tahun	11	13.0
5 Tahun dan lebih	9	10.0

Terdapat (10%) responden kini berada ditahun akhir pengajian iaitu mereka yang direkodkan telah menerima dermasiswa pendidikan IPT melebihi 5 tahun. Mereka ini juga merupakan penerima dermasiswa pendidikan bermula dari peringkat diploma hingga ke Ijazah Sarjana Muda. Ini sedikit sebanyak telah memberikan satu gambaran bahawa agihan zakat pendidikan telah membantu mereka untuk mengapai kejayaan demi kejayaan di menara gading

Refleksi Pelajar Fakir Miskin Terhadap Proses Agihan: Jadual 3 menunjukkan respons pelajar fakir miskin mengenai proses agihan bantuan pendidikan sedia ada terhadap mereka.

Jadual 3 : Tahap kepuasan responden dalam Aspek Agihan Pendidikan LZS

Item	Skala ¹					
	1	2	3	4	5	Min ²
Proses permohonan bantuan dermasiswa pendidikan IPT dan bantuan keperluan IPT adalah mudah dan ringkas	2 (2.3)	7 (8.0)	17 (19.3)	50 (56.8)	12 (13.6)	3.71 [0.09]
Bantuan wang saku tepat pada waktu yang dijadualkan.	2 (2.3)	12 (13.6)	17 (19.3)	32 (36.4)	25 (28.4)	3.75 [0.11]
Penyampaian maklumat berkaitan proses permohonan dan bayaran dermasiswa pendidikan dengan jelas, tepat dan mudah untuk dicapai.	3 (3.4)	10 (11.4)	34 (38.6)	36 (40.9)	5 (5.7)	3.34 [0.09]
Tidak di gugur taraf akibat kelewatan pembayaran yuran oleh pihak LZS	24 (27.3)	15 (17.0)	29 (33.0)	14 (15.9)	6 (6.8)	2.57 [0.13]
Tidak menghadapi masalah untuk mengemaskini maklumat keputusan peperiksaan untuk tujuan sambungan bantuan wang saku.	0 (0.0)	7 (8.0)	14 (15.9)	49 (55.7)	18 (20.5)	3.88 [0.08]

Nota: ¹ berdasarkan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju

² nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 3.67

() nilai peratus daripada jumlah responden

[] nilai ralat piawai bagi nilai min

Jadual 3 menunjukkan majoriti pelajar iaitu hampir 70.4 peratus menyatakan bahawa proses permohonan adalah mudah dan ringkas. Pelajar hanya perlu mengemukakan surat tawaran pengajian untuk mendapatkan bantuan wang persediaan ke IPT dan bantuan lain akan disusuli bersamanya setelah mendapat pengesahan pengajian daripada pihak IPT. Keputusan ini agak signifikan dengan pola jawapan mudahnya proses mengemaskini maklumat keputusan peperiksaan semester bagi tujuan penyambungan bantuan wang saku iaitu sebanyak 64.8 peratus dan bantuan wang saku tepat pada waktu yang dijadualkan (0.700). Ia didorong oleh faktor transformasi proses permohonan bantuan yang agak berbeza dengan sebelum ini yang mana pelajar perlu membuat permohonan bantuan wang saku dan yuran bagi setiap semester pengajian. Pihak LZS perlu memberikan penekanan terhadap aspek penyampaian maklumat

proses permohonan dan bayaran jelas, tepat dan mudah untuk dicapai dimana sebanyak 46.6 peratus pelajar bersetuju.

Keberadaan Penolong Amil UiTM: Keberadaan Penolong Amil UiTM yang menjangkau tahun ke 16 tahun ini, dilihat masih belum dirasai sepenuhnya oleh semua kelompok golongan pelajar asnaf terutama kelompok responden kajian iaitu pelajar fakir miskin. Kondisi ini adalah kurang rasional namun dikesan penyelidik melalui soal selidik yang dilaksanakan. Ini ditunjukkan oleh Jadual 4.

Jadual 4 : Pandangan pelajar berkaitan dengan kewujudan Unit Zakat di IPT

Item	Skala ¹					
	1	2	3	4	5	Min ²
Mengetahui fungsi Unit Zakat, Wakaf dan Sekedah UiTM serta kewujudan Kaunter Bantuan Zakat di UiTM.	2 (2.3)	7 (8.0)	14 (15.9)	36 (40.9)	29 (33.0)	3.94 [0.10]
Lokasi Kaunter Zakat UiTM mesra pelajar dan mudah dikunjungi untuk sebarang urusan berkaitan.	6 (6.8)	10 (11.4)	28 (31.8)	32 (36.4)	12 (13.6)	3.38 [0.11]
Mengenali dan selesa berurus dengan para petugas di Kaunter Bantuan Zakat di UiTM.	7 (8.0)	8 (9.1)	45 (51.1)	18 (20.5)	10 (11.4)	3.18 [0.10]
Mudah mendapatkan maklumat dan penerangan mengenai bantuan zakat dengan jelas di Kaunter Bantuan Zakat.	5 (5.7)	8 (9.1)	44 (50.0)	21 (23.9)	10 (11.4)	3.26 [0.10]
Maklumi dan peka mengenai waktu operasi di Kaunter Bantuan Zakat di UiTM.	6 (6.8)	11 (12.5)	36 (40.9)	27 (30.7)	8 (9.1)	3.22 [0.10]

Nota: ¹ berdasarkan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju

² nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 3.40

() nilai peratus daripada jumlah responden

[] nilai ralat piawai bagi nilai min

Keberadaan Penolong Amil UiTM yang menjangkau tahun ke 16 tahun ini, dilihat masih belum dirasai sepenuhnya oleh semua kelompok golongan pelajar asnaf terutama kelompok responden kajian iaitu pelajar fakir miskin. Kondisi ini adalah kurang rasional namun dikesan penyelidik melalui soal selidik yang dilaksanakan. Ini ditunjukkan oleh Jadual 4. Kajian ini meninjau sejauh mana kepekaan responden akan fungsi Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah UiTM (Penolong Amil Zakat UiTM). Jadual 5 menunjukkan seramai 26.2 peratus responden menyatakan tidak pasti dan tidak setuju bahawa mereka maklum akan kewujudan Kaunter bantuan Zakat UiTM. Malah sejumlah 50 peratus responden menyatakan tidak pasti dan tidak setuju bahawa lokasi kaunter zakat UiTM mesra pelajar dan mudah dikunjungi. Antara komentar yang Berjaya direkod dari pelajar adalah lokasi kaunter jauh ini kerana majority daripada pelajar tiada kenderaan terutamanya bagi pelajar yang tinggal di luar kampus serta kurangnya

promosi berkaitan di dalam kampus. Berdasarkan kepada pemerhatian pengakaji, pelajar UiTM lebih gemar untuk menggunakan medium internet untuk proses permohonan bantuan dan sebagainya.

Manakala dalam aspek layanan pegawai bertugas majoriti responden menyatakan tidak pasti iaitu 51.1 peratus. Pendapat ini dilakarkan daripada pengalaman sendiri responden dan rakan kepada responden. Terdapat responden yang kurang berpuashati dengan mutu layanan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Penolong Amil Zakat UiTM. Komentar terbuka responden ada menyatakan kekesalan ketika memohon bantuan kerana mendapat layanan tidak seperti yang dijangkakan kerana responden adalah anak asnaf fakir dan miskin selangor. Perkara ini perlu diteliti dengan lebih lanjut, kerana responden ini merupakan seorang daripada mereka yang terpaksa bekerja sambilan pada waktu lapang.

Jadual 5 : Tahap respon pelajar terhadap cadangan pelaksanaan konsep lokalisasi

Item	Skala ¹					
	1	2	3	4	5	Min ²
Proses dermasiswa zakat LZS yang diuruskan oleh Kaunter Zakat UiTM akan membantu mempercepatkan proses agihan zakat.	1 (11)	10 (11.4)	19 (21.6)	37 (42.0)	21 (23.9)	3.76 [0.10]
Penglibatan Kaunter Zakat UiTM akan memudahkan proses permohonan bantuan.	0 (0.0)	4 (4.5)	22 (25.0)	34 (38.6)	28 (31.8)	3.97 [0.09]
Kaunter Zakat UiTM memudahkan urusan bantuan sekiranya menghadapi masalah berkaitan dengan pembayaran yuran pengajian.	0 (0)	3 (3.4)	21 (23.9)	43 (48.9)	21 (23.9)	3.93 [0.08]
Cadangan lokalisasi agihan zakat di Kaunter Zakat UiTM akan mengurangkan karenah birokrasi dan mewujudkan hubungan 2 hala yang baik.	1 (1.1)	3 (3.4)	29 (33.0)	47 (53.4)	8 (9.1)	3.65 [0.07]
Penolong Amil UiTM lebih memahami kehendak dan keperluan pelajar dalam kampus.	3 (3.4)	6 (6.8)	24 (27.3)	39 (44.3)	16 (18.2)	3.67 [0.10]

Nota: ¹ berdasarkan skala seperti berikut: 1 sangat tidak setuju; 2 tidak setuju; 3 sederhana; 4 setuju; 5 sangat setuju

² nilai min keseluruhan konstruk ini ialah 3.80

() nilai peratus daripada jumlah responden

[] nilai ralat piawai bagi nilai min

Lokalisasi DariPada Perspektif Pelajar Asnaf: Proses dan prosedur agihan zakat pendidikan yang berbeza antara pelajar asnaf fakir miskin dengan golongan asnaf yang lain sedikit sebanyak memberi pengaruh kepada persepsi pelajar tentang kewujudan Penolong Amil di kampus. Dalam usaha meletakkan Penolong Amil

di UiTM sebagai 'duta' LZS yang menjadi medium pengurusan zakat dan pembangunan pelajar asnaf, modus operandi pengurusan Penolong Amil perlu diperkasakan. Jadual 5 menerangkan bahawa semua pelajar dapat melihat sisi positif kewujudan Penolong Amil di UiTM yang membawa kepada kemajuan diri mereka.

Kajian ini mencapai objektif apabila hampir keseluruhan pelajar iaitu seramai 63.9 peratus bersetuju kaedah lokalisasi agihan zakat pendidikan ke Unit Zakat IPT. Terdapat sebilangan kecil daripada responden yang menyatakan selesa dengan proses bantuan selama ini dan tidak perlu kepada kaedah lokalisasi agihan zakat. Terdapat juga komentar daripada seorang responden yang menyatakan bahawa ia agak keberatan dan malu untuk berkunjung ke Kaunter Zakat UiTM kerana dikhuatiri akan di fitnah oleh rakan dan menjatuhkan maruah dirinya. Sebanyak 70.4 peratus responden juga menjangkakan bahawa dengan kaedah lokalisasi ini akan memudahkan proses permohonan dan penyaluran bantuan zakat kepada mereka tanpa perlu keluar kampus untuk mendapatkannya. Ia boleh dijadikan sebagai satu "one stop center" kepada mereka untuk mendapatkan bantuan yang sewajarnya dengan cepat dan pantas. Paling penting mereka menjangkakan kesukaran dan kerentahan birokrasi selama ini dapat dikurangkan lagi dengan pelaksanaan kaedah lokalisasi ini seramai 62.5 peratus menyatakan setuju dan sangat setuju. Namun terdapat sebanyak 33 peratus responden tidak pasti ia akan membantu mengurangkan kerentahan birokrasi. Ini merujuk kepada pengalaman peribadi dan rakan responden yang pernah mendapatkan bantuan daripada Unit Zakat IPT. Malah terdapat responden yang menegaskan ia bergantung kepada kepekaan pihak pengurusan dalam usaha membantu pelajar.

Tinjauan berkaitan dengan persepsi responden tentang persoalan adakah pihak Unit Zakat UiTM lebih memahami kehendak dan keperluan mereka dalam kampus melihat sejumlah 62.5 peratus menyatakan keyakinan terhadapnya. Responden berpendapat bahawa Unit Zakat UiTM lebih memahami jadual pengajian, kehendak dan keperluan pelajar serta pihak pentadbir UiTM berbanding pihak LZS. Analogi mudah yang ditampilkan oleh salah seorang responden iaitu isu pembayaran yuran pengajian, pihak Unit Zakat UiTM sudah pasti mengetahui jadual pengajian dan pembayaran yuran dengan tepat dan urusan secara dalaman dilihat mampu memberikan satu bentuk jaminan sosial kepada pelajar. Berdasarkan jadual 6, kajian mendapati wujud perbezaan min persetujuan responden yang signifikan untuk melaksanakan konsep lokalisasi di IPT oleh LZS berbanding persepsi responden berkenaan situasi semasa pengurusan zakat di IPT. Ini jelas menunjukkan responden yang terdiri daripada pelajar UiTM amat bersetuju untuk melaksanakan konsep lokalisasi ini. Ini kemungkinan melihat kepada pengalaman mereka di IPT yang merasakan pengurusan zakat di IPT yang sedia ada adalah kurang berkesan dalam menangani masalah pelajar secara cekap dan efisien. Namun begitu perbezaan

min konstruk yang lain adalah tidak signifikan menunjukkan tiada perbezaan min yang ketara.

JADUAL 6 : Perbezaan nilai GAP min setiap konstruk

Item perbezaan	Nilai GAP ² Min ¹	Sisishan Piawai	Nilai statistik t
Min 1 dan Min 2	0.2733	0.9839	2.606*
Min 2 dan Min 3	-0.4000	1.0125	-3.706*
Min 1 dan Min 3	-0.1267	0.9462	-1.256

Nota: ¹Min berdasarkan nilai skala likert; nilai 1=sangat tidak setuju hingga nilai 5=sangat setuju

² nilai perbezaan antara min setiap konstruk

Min 1 : persepsi semasa agihan pendidikan Lzs [nilai=3.6733]

Min 2 : persepsi kewujudan unit zakat IPT [nilai=3.4000]


Min 3 : persepsi terhadap cadangan konsep lokalisasi pengagihan zakat IPT [nilai=3.8000]

* signifikan pada aras keertian 5%

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Hasil kajian menunjukkan kaedah yang digunakan di IPT yang dikaji menunjukkan perasaan tidak puas hati masih lagi wujud walaupun pentadbiran zakat untuk pelajar universiti telah diletakkan di universiti pengajian oleh pelajar tersebut. Justeru kajian ini mencadangkan satu penambahbaikan kepada model dan sistem pengagihan zakat di IPT seperti di Rajah 3. Rajah 3 adalah gambaran cadangan untuk merealisasikan konsep lokalisasi unit zakat IPT sebagai “one stop center”. Hasil kajian mendapati responden tidak menolak cadangan lokasasi atau penyempitan proses permohonan dan penyaluran agihan zakat di kampus. Pengkaji berpendapat dengan penyaluran dana tambahan pihak Unit Zakat IPT mampu bergerak sebagai satu “one stop center” kepada pelajar di UiTM. Cuma terdapat beberapa perkara yang perlu diteliti sebelum pelaksanaanya seperti bilangan kakitangan, kemudahan kaunter, integrasi sistem kutipan dan agihan zakat antara Unit Zakat UiTM dengan Lzs.


Rajah 3 : Model cadangan Agihan Zakat Unit Zakat IPT





Fokus Unit Zakat IPT perlu dikembangkan bukan hanya mengurus kutipan dan agihan zakat malah mencakupi tanggungjawab yang lebih besar iaitu pembangunan pelajar di bawah seliaan mereka. Program pembangunan pelajar boleh dijalankan secara usahasama dengan pihak LZS mahupun NGO luar dalam merealisasikan impian ke arah melahirkan generasi kedua asnaf, generasi cemerlang dalam konteks dunia dan akhirat. Pembasmian kemiskinan tidak mungkin dapat dilestarikan sekiranya hanya bersandarkan kepada konsep pembiayaan dan kejayaan dunia sahaja. Perancangan rapi seiring dengan misi dan visi yang jelas perlu digarap oleh kedua-dua pihak yang memegang amanah iaitu LZS dan Unit Zakat IPT.

Rajah 4 : Model cadangan pelaksanaan agihan zakat di IPT secara bersama LZS



Rajah 4 mengambarkan cadangan model modus operandi “one stop center” unit zakat IPT mengikut kerangka pemikiran penyelidik berdasarkan kepada pengalaman dan kajian yang dibuat. Unit Zakat IPT akan memastikan bantuan dapat salurkan dengan cepat, mencukupi dan membantu pelaksanaan dari aspek pemantauan. Pihak Sektor Pendidikan (LZS) akan menyalurkan maklumat mereka yang layak dibantu dan memastikan dana pendidikan mencukupi untuk

memastikan motivasi pelajar tidak terjejas. Malah pihak sektor pendidikan akan membantu dalam melaksanakan prinsip muraqabah ke atas pelajar dan keluarga pelajar. Model ini dilakarkan daripada idea Muhammad Syukri (2000), institusi zakat perlu menjalankan ikatan yang rapat dengan penerima bantuan bagi memastikan kejayaan mereka seperti mana yang dilakukan oleh kebanyakan jemaah islam di dunia. Kajian ini boleh dimantapkan lagi dengan pembentukan model dan modul pembangunan pelajar asnaf fakir miskin konsisten dan holistik untuk pelaksanaan di semua Unit Zakat IPT di Malaysia seperti di Rajah 4 . Kajian ini yakin usaha ini akan mendapat sambutan baik daripada pihak Universiti terlibat dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

KESIMPULAN

Kajian ini merumuskan bahawa tahap persepsi serta keyakinan pelajar terhadap kewujudan serta peranan yang dimainkan oleh unit zakat di IPT masih lagi rendah. Ini ditunjukkan oleh persepsi yang agak rendah terutamanya melibatkan peranan amil di unit zakat IPT dalam mengagihkan zakat. Ini disebabkan proses desentralisasi yang berlaku hanya melibatkan perpindahan pentadbiran zakat secara fizikal sahaja dan berperanan secara tradisi sahaja iaitu mengutip dan mengagihkan zakat. Persepsi negatif ini perlu diatasi bagi mengelakkan pembayar zakat di IPT berkenaan terkesan dan memberi respon negatif terhadap unit zakat di IPT berkenaan. Masalah ini dapat diatasi sekiranya proses desentralisasi pentadbiran dan pengurusan zakat perlu digandingkan dengan konsep lokalisasi pengurusan zakat yang memberi kuasa yang lebih lagi kepada unit zakat di IPT untuk membuat pelbagai program yang dapat meningkatkan sahsiah diri pelajar, meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik serta meningkatkan sosialisasi antara pelajar (asnaf), warga universiti (pembayar zakat) serta unit zakat (amil). Ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keberkesanan pengagihan zakat di IPT berkenaan.

RUJUKAN

Buku

- Adibah Abdul Wahab dan Joni Tamkin Borhan, (2014). Impak Zakat dalam Membangunkan Sosioekonomi di Malaysia: Penilaian Teori dan Praktis, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.
- Baharuddin Sayin, Ahmad Zaki Abdullah Latiff dan Mohd Afandi Mat Rani, (2014). Agihan Zakat di Universiti Teknologi Mara, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.
- Dziauddin Syarif. (2003). Sistem Pungutan dan Agihan Zakat Fitrah. Kajian di Baitul Mal Negeri Sembilan, Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya.

- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor, (2004), Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin, *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1 (1). 151-166
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. (2012). Penerimaan Amil dan Asnaf Terhadap Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia. *Jurnal Ekonomi Malaysia*. 46(1)(2012):39-51
- Kahf, M. (1999). The performance of the institution of zakat in Theory and practice. International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30, 1999.
- Muhammad Sykuri Salleh et.al, (2000). Pengurusan Kemiskinan dalam Muhammad Sykuri Salleh et.al *Pengurusan Pembangunan Islam: Prosiding Seminar*, Pulau Pinang, Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang. h.1.
- Muhamad Rahimi Osman dan Ghafarullahhuddin Din,(2014). *Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi*, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.
- Muhammad Syukri Salleh, (2002). *Lokalisasi Zakat: Satu Cadangan Teoritis*, Muzakarah Pakar Zakat, Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh, (2014). *Pembasmian Kemiskinan Melalui Pemerksaan Pendidikan Ummah*, Seminar Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman dan Hala Tuju, Universiti Teknologi Mara.
- Muhammad Syukri Salleh, Osman Md. Yusoff dan Zakaria Bahari, (1996). *Persepsi Orang-Orang Miskin Terhadap Kemiskinan - Laporan Akhir*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia dan Kota Bharu, Kelantan: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Oktober.
- Nor Aini Idris. (2006). Isu dan Masalah Kemiskinan di Malaysia", dalam Ishak Yusoff et.al (penyunting), *Ekonomi Malaysia ke Arah Pascaindustri*, Bangi, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h.150
- Noraini Idris, (2013). Penyelidikan Dalam Pendidikan. McGraw-Hill Education (Malaysia) Sdn. Bhd.h.116
- Paimuzi Yahya. (1996). Pengagihan Zakat Di Malaysia, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. (2006). Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13 (2), 175-196.
- Sanep Ahmad. (2009). *Agihan Zakat Merentasi Asnaf: Ke Arah Memperkasa Institusi Zakat*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM IV), Jilid 2.
- Yusuf al-Qardhawi. (2006). *Fiqh al-Zakah*, Cairo: Maktabah Wahbah.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.